



**GARIS PANDUAN**  
**SAMBUTAN HARI RAYA IDILFITRI DAN AKTIVITI ZIARAH KUBUR**  
**DI SELURUH SARAWAK BAGI TAHUN 1442H/2021M**  
**(PINDAAN 5 MEI 2021)**

Majlis Islam Sarawak mengambil maklum bahawa Hari Raya Idilfitri adalah hari kemenangan dan disambut oleh seluruh umat Islam setelah berakhirnya Ramadan.

Walau bagaimanapun dalam suasana wabak COVID-19 masih menular, Majlis Islam Sarawak menyeru seluruh umat Islam di Sarawak agar mematuhi arahan Kerajaan Malaysia, Kerajaan Negeri Sarawak, Kementerian Kesihatan Malaysia dan perkara-perkara yang diputuskan oleh Majlis Islam Sarawak seperti di bawah sepanjang sambutan Hari Raya Idilfitri :-

1. Aktiviti-aktiviti yang **DIBENARKAN** adalah seperti berikut:-

BIL	AKTIVITI DIBENARKAN	CATATAN
i.	Takbir Hari Raya	<p><b>Dibenarkan Di Masjid &amp; Surau</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mulai selepas solat Maghrib 1 Syawal (malam) dan tidak melebihi jam 10.00 malam</li> <li>Selepas solat Subuh 1 Syawal (pagi) sehingga bermula solat sunat Idilfitri</li> </ul>
ii.	Solat Sunat Idilfitri	<p><b>Dibenarkan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Di Masjid, Surau, Musolla Dan Premis Yang Telah Mendapat Kebenaran Majlis Islam Sarawak Sahaja.</li> <li>Jemaah Yang Dibenarkan Hadir Untuk Solat adalah mengikut <b>Bilangan Jemaah Dengan Mematuhi Penjarakan Fizikal (1 Meter) Berdasarkan Had Kapasiti Ruang Keluasan Masjid Atau Surau</b></li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jemaah hendaklah <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Diperiksa suhu dan mendaftar kehadiran melalui Mysejahtera atau buku rekod sebelum masuk ke dalam masjid atau surau</li> <li>❖ Menggunakan pelitup separuh muka sepanjang masa berada di masjid atau surau</li> <li>❖ Membawa sejadah atau alas sujud sendiri</li> <li>❖ Digalakkan berwudhuk di rumah</li> <li>❖ Tidak bersesak-sesak untuk masuk dan keluar masjid/ surau (JKP hendaklah membuka semua pintu untuk jemaah bersurai)</li> <li>❖ Tidak bersalaman</li> </ul> </li> <li>• Garis Panduan Permohonan Mendirikan Solat Sunat Hari Raya Majlis Islam Sarawak Dikeluar Pada 26 April 2021 adalah berkaitan</li> <li>• Hendaklah mematuhi Garis Panduan Pengimaran Masjid/ Surau yang dikeluarkan oleh Majlis Islam Sarawak dari semasa ke semasa</li> </ul>
iii.	Ziarah Hari Raya	<p><b>Dibenarkan Di Zon PKPB sahaja untuk keluarga terdekat sahaja</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempoh Ziarah Hari Raya mulai <b>1 Syawal hingga 3 Syawal sahaja (Pindaan 5 Mei 2021)</b></li> <li>• <b>Had pengunjung</b> (keluarga terdekat) dalam sesuatu masa adalah:- <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ 50% kapasiti mengikut saiz rumah dengan penjarakan fizikal.</li> </ul> </li> </ul>

2. Aktiviti-aktiviti yang **TIDAK DIGALAKKAN** adalah seperti berikut :-

BIL	AKTIVITI TIDAK DIGALAKKAN	CATATAN
i.	Ziarah Kubur	<p><b>Tidak Digalakkan</b> berdasarkan penilaian risiko kes COVID-19 semasa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Namun sekiranya tidak dapat dielakkan hendaklah mematuhi Garis Panduan Aktiviti Ziarah Pusara yang dikeluarkan pada 8 April 2021 oleh Majlis Islam Sarawak seperti berikut :-</li> <li>❖ Hendaklah membuat kawalan sendiri untuk menjaga penjarakan fizikal (1 meter), Sentiasa menggunakan pelitup separuh muka dan tidak bersalaman;</li> <li>❖ Tempoh ziarah satu (1) pusara hendaklah tidak melebihi tempoh 20 minit.</li> <li>❖ Ziarah satu (1) pusara hendaklah tidak melebihi bilangan kehadiran seramai 5 orang ahli waris atau keluarga terdekat sahaja. (disarankan membuat penggiliran sekiranya lebih daripada 5 orang).</li> </ul>

3. Aktiviti-aktiviti yang **TIDAK DIBENARKAN** adalah seperti berikut :-

BIL	AKTIVITI TIDAK DIBENARKAN	CATATAN
i.	<b>Jamuan Selepas Solat Idilfitri Di Masjid Atau Surau</b>	<b>Tidak Dibenarkan (Hanya Agihan Makanan Berbungkus Dibenarkan)</b>
ii.	<b>Aktiviti Takbir Dari Rumah Ke Rumah</b>	<b>Tidak Dibenarkan</b>
iii.	<b>Rumah Terbuka</b>	<b>Tidak Dibenarkan</b>

<b>iv.</b>	<b>Tahlil Selepas Solat Idilfitri Di Masjid Atau Surau</b>	<b>Tidak Dibenarkan</b>
------------	--	-------------------------

4. **Di Zon/Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)** semua aktiviti-aktiviti sambutan Hari Raya Idilfitri adalah **TIDAK DIBENARKAN** seperti berikut :-

<b>BIL</b>	<b>AKTIVITI</b>	<b>CATATAN</b>
<b>i.</b>	<b>Solat Sunat Idilfitri</b>	<p style="text-align: center;"><b>Tidak Dibenarkan Di Masjid atau Surau</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Dilaksanakan di rumah masing-masing bersama ahli keluarga sahaja</b></p> <p style="text-align: center;">* Kebenaran bagi Solat Fardhu dan Solat Jumaat bagi zon atau kawasan PKPD tertakluk kepada arahan semasa oleh Majlis Islam Sarawak</p>
<b>ii.</b>	<b>Ziarah Hari Raya</b>	<b>Tidak Dibenarkan</b>
<b>iii.</b>	<b>Ziarah Kubur</b>	<b>Tidak Dibenarkan</b>

5. Semua SOP COVID-19 hendaklah dipatuhi sebagaimana yang ditetapkan Lembaga Fatwa Negeri Sarawak, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian (JPBB), Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.
6. Majlis Islam Sarawak boleh mengubah atau meminda garis panduan ini dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan.
7. Pemakaian garis panduan ini berkuatkuasa **sepanjang Syawal 1442H** atau mana-mana arahan lanjut yang ditetapkan oleh Majlis Islam Sarawak.

### Arahan

**Majlis Islam Sarawak**

**5 Mei 2021M bersamaan 23 Ramadan 1442H**